



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA
ENCIK MOHD RIZAN BIN ABDUL RAHMAN,
BEKAS RENJER PERHUTANAN TAMAN NEGARA GUNUNG
LEDANG MENGENAI PENGALAMAN BELIAU
DI GUNUNG LEDANG**

ANIS NABEELA BINTI MOHD RADZNAN

(2021119893)

WAHIDA AMALIN BINTI ASMADI

(2021151667)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2022 – OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

	M/S
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI ABREVIASI	iii
SENARAI SINGKATAN	iv
RUJUKAN KATA	v
1.0 BIODATA PENEMUBUAL	1
1.1 PENEMUBUAL PERTAMA	1
1.2 PENEMUBUAL KEDUA.....	2
2.0 BIODATA RESPONDEN	3
2.1 PENGENALAN KEPADA RESPONDEN.....	3
3.0 SEJARAH LISAN.....	4
3.1 PENGENALAN	4
3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN.....	5
3.3 OBJEKTIF KAJIAN.....	5
3.4 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN	6
4.0 KAJIAN LITERATUR	7
4.1 KEARIFAN TEMPATAN.....	7
4.2 PUTERI GUNUNG LEDANG	8
5.0 TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA RESPONDEN	11
6.0 LOG TEMU BUAL.....	161
7.0 RALAT.....	172
8.0 GLOSARI.....	173
9.0 INDEKS	175

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang kisah pengalaman seorang responden yang merupakan bekas renjer perhutanan di Taman Negara Johor Gunung Ledang iaitu Encik Mohd Rizan bin Abdul Rahman. Kajian sejarah lisan yang bertemakan kearifan tempatan ini menyentuh kepada kisah legenda Puteri Gunung Ledang yang berada di Gunung Ledang, Tangkak, Johor. Kisah lisan yang diturunkan dari generasi ke generasi ini menimbulkan persoalan akan kesahihan cerita tersebut, maka menerusi kajian sejarah lisan ini, pengkaji memfokuskan topik kajian terhadap sejarah dan kisah Gunung Ledang, Puteri Gunung Ledang, Taman Negara Johor, dan juga Gunung Ledang Resort. Turut dimasukkan juga kisah-kisah mistik dan mitos yang banyak diceritakan oleh orang ramai. Dengan berbekalkan pengalaman beliau sejak tahun 1995 sehingga 1997, pelbagai kisah yang berkait dengan tempat-tempat tersebut telah dapat terungkap sepanjang sesi temu bual yang telah diadakan. Maka, dengan melalui kajian sejarah lisan ini, diharapkan agar kajian ini dapat berguna untuk dijadikan rujukan oleh para penyelidik dan juga orang awam pada masa yang akan datang.

KATA KUNCI

Puteri Gunung Ledang, Mistik, Mitos, Loji Gunung Ledang, Renjer

ABSTRACT

This transcript discusses the experiences of a respondent who is a former forestry ranger at Gunung Ledang Johor National Park, named Encik Mohd Rizan bin Abdul Rahman. Equipped with the theme ‘local wisdom’, this oral history research explores into the legendary story of Puteri Gunung Ledang, which took place Gunung Ledang, Tangkak, Johor. The verbal story passed down from generations to generations raised many questions regarding the authenticity of the story. With that in mind, through this oral history research, researchers’ focus on the history and stories surrounding Gunung Ledang, Puteri Gunung Ledang, Johor National Park as well as Gunung Ledang Resort. This also includes mystic and mythic stories which are widely spread and told among the community. Based on his experience since 1995 until 1997, there are various stories relating to the research topics are revealed through the interview session. Thus, with the help of this oral history research, it is hoped that this research will be found to be useful and reliable as reference for future research and public use.

KEYWORDS

Puteri Gunung Ledang, Mystic, Mythic, Gunung Ledang Water Treatment Plant, Ranger

PENGHARGAAN

Alhamdulillah,

Dengan penuh kesyukuran kehadrat Ilahi kerana limpah kurnianya, dapat kami menyelesaikan tugasan kerja kursus ini dengan penuh jayanya. Kami mengucapkan sepenuh penghargaan kepada;

Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin,

Pensyarah subjek Dokumentasi Lisan (IMR604), diatas kepercayaan beliau memberi tugasan ini kepada kami. Dimana beliau banyak membantu kami sepanjang proses tugasan ini disiapkan.

Turut disertakan Encik Mohd Rizan Bin Abdul Rahman,

Dengan kesudian beliau menjadi responden bagi kajian sejarah lisan kami. Tanpa kerjasama beliau, kajian ini tidak mungkin akan berjaya terlaksana.

Tidak dilupakan juga,

Puan Rohayu Binti Ahmad,

Pensyarah penyelia kami, diatas bimbingan dan nasihat sepanjang pelaksanaan kajian sejarah lisan ini. Dimana beliau banyak memberi didikan dan tunjuk ajar semasa proses kajian ini dijalankan.

Dengan kesempatan ini kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami dan ahli keluarga kami yang telah banyak mendorong kami untuk terus berusaha. Dan kami juga ingin menghadiahkan sekalung terima kasih kepada rakan-rakan kami yang telah banyak membantu dan mencetuskan idea kami sepanjang proses penyiapan tugasan dilaksanakan. Dalam menyiapkan tugasan ini, banyak yang telah kami pelajari sepanjang penyiapan kerja kursus ini dilakukan. Ianya memberi kami seribu satu makna dalam menimba ilmu ini.

Syukur Alhamdulillah.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
CPR	Cardiopulmonary Resuscitation; Resutasi Kardiopulmonari
GLR	Gunung Ledang Resort
PGL	Puteri Gunung Ledang
SAJ	Syarikat Air Johor